

Melaka mohon bina tapak pelupusan ICI

Norafiqah Jamal

PAYA RUMPUT - Kerajaan Negeri Melaka akan segera memohon pembinaan

tapak pelupusan khas sisa pepejal bagi sektor pembinaan dan komersial, perindustrian dan keinstitusian (ICI) kepada Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan

Pengurusan Bencana negeri Datuk Rais Yasin berkata, beliau telah berbincang dengan menteri berkaitan bagi pembinaan tapak pelupusan khas itu.

Katanya, pembinaan itu perlu disegerakan kerana keperluannya yang sangat mendesak ketika ini bagi mengatasi masalah sampah di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udag.

"Keperluan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal bagi sektor ICI sangat mendesak kerana kira-kira 30 hingga 40 peratus daripada keseluruhan jumlah sisa pepejal yang dibuang ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udag setiap hari adalah sisa ICI.

"Saya telah berbincang dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming berkaitan tapak pelupusan ICI ini dan kita



RAIS

akan hantar satu permohonan rasmi untuk memohon pembinaan tapak pelupusan khas berkenaan.

"Ketika ini, situasi di (tapak pelupusan) Sungai Udag berada pada tahap kritikal," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Program Jalinan Insan Wahana Aspirasi (JIWA) @ Komuniti MADANI Daerah Melaka Tengah di Surau Al-Falah,

Taman Krubong Jaya, di sini, 19 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Rais yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Rumput dan Penyelaras Japerun Sungai Udag berkata, pembukaan ICI tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang memerlukan kebenaran daripada KPKT.

"Pembinaan tapak pelupusan sisa ICI akan dilaksanakan menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), namun cadangan lokasi dan anggaran kos masih belum dimuktamadkan.

"Keperluan pembinaan tapak pelupusan khas ini sangat mustahak demi kesejahteraan rakyat selain menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik dan baik di negeri ini pada masa akan datang," katanya.



TAPAK Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udag semakin kritikal dengan dibanjiri 30 hingga 40 peratus sisa pepejal ICI (Gambar Hiasan). Foto Iqmal Haqim Rosman